

THE RELATIONSHIP BETWEEN PARENTING STYLE AND CHILDREN'S SOCIAL PROBLEMS IN SUNGAI SUMUN, PERAK

*Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa dengan Masalah Sosial Anak-Anak di Sungai Sumun,
Perak*

Siti Nazhirah Abu
Universiti Selangor
nazhirahabu94@gmail.com

Fatin Najihah Amran
Universiti Selangor
famin1354@gmail.com

Uzzairah Nabilah Ahmad Tazli
Universiti Pendidikan Sultan Idris
uzzairah@fpm.upsi.edu.my

Abstract

This study was conducted to examine the relationship between parenting style and children's social problems in Sungai Sumun, Perak. This study has three research objectives. First, it was done to study the relationship between parents' dominant parenting style towards children in Sungai Sumun, Perak. Second, it aims to examine the frequency of social problems in Sungai Sumun, Perak. The third is to study the significant relationship between parenting style with children's social problems in Sungai Sumun, Perak. The sample size was 145 respondents from parents. Sample selection used a simple random sampling method. The use of the Parental Authority Questionnaire (PAQ) as a research instrument to measure the constructs of parenting style. The use of questions to measure these social problem constructs has been used as a research instrument. Spearman's Rank analysis examined the correlation between parenting style and social problems. Descriptive findings indicate that parents' most dominant parenting style is Authoritative. Findings show a significant relationship between parenting style and social problems of children in Sungai Sumun, Perak. Through this study, it can be concluded that parenting style can contribute to the factors of social problems occurring in Malaysia today.

Keywords: parenting style, children, teenagers, social issues, parents

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial anak-anak di Sungai Sumun, Perak. Dalam kajian ini mempunyai tiga objektif kajian. Pertama,

ia dilakukan untuk mengkaji hubungan gaya asuhan yang dominan di amalkan oleh ibu bapa terhadap anak-anak di Sungai Sumun, Perak. Kedua, ia bertujuan untuk meneliti kekerapan masalah sosial yang berlaku di Sungai Sumun, Perak. Ketiga ia untuk mengkaji hubungan signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial anak-anak di Sungai Sumun, Perak. Pemilihan sampel menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Bilangan sampel sebanyak 145 orang responden dari kalangan ibu bapa. Penggunaan Parental Authority Questionnaire (PAQ) sebagai instrument kajian bagi mengukur konstruk gaya asuhan ibu bapa. Penggunaan soalan bagi mengukur konstruk masalah sosial ini telah digunakan sebagai instrument kajian. Analisis Spearman's Rank digunakan untuk mengkaji korelasi antara gaya asuhan dengan masalah sosial. Dapatan deskriptif menunjukkan gaya asuhan paling dominan diamalkan oleh ibu bapa adalah Autoritatif. Dapatan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara gaya asuhan dengan masalah sosial anak-anak di Sungai Sumun, Perak. Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa gaya asuhan ibu bapa dapat menyumbang kepada faktor masalah sosial berlaku di Malaysia pada hari ini.

Kata kunci: gaya asuhan, anak-anak, remaja, masalah sosial, ibu bapa

PENGENALAN

Gaya asuhan ibu bapa memainkan peranan utama dalam membesarkan dan mendidik anak-anak sepanjang proses perkembangan mereka. Ibu bapa merupakan agen sosialisasi yang terawal dan terdekat dengan anak-anak. Ibu bapa akan memilih dan mengenakan gaya asuhan tertentu terhadap anak dengan mampu mempengaruhinya dari segi pembentukan personaliti, perkembangan kognitif dan kecekapan sosial (Azizi & Jaafar Sidek, 2005; Ahmad Yassin Lauto, 2006). Gaya asuhan ibu bapa menurut Baumrind (1971) adalah terbahagi kepada tiga jenis, iaitu gaya asuhan autoritatif, gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan permisif. Ketiga-tiga gaya asuhan ini perlu diketahui oleh ibu bapa. Berdasarkan tiga gaya asuhan ini secara tidak langsung dapat mendidik anak-anak dengan sempurna bukan sahaja memberi kesan kepada perkembangan sosial anak-anak malah turut mempengaruhi personaliti anak-anak itu sendiri.

Selain itu, Pengkaji juga mengkaji gaya asuhan yang mempunyai hubungkait dengan masalah sosial. Masalah sosial ialah kata yang merujuk kepada hal-hal yang berkaitan masyarakat dan kemasyarakatan. Masalah sosial ialah tanda-tanda, alamat atau petanda tentang segala yang berkaitan dengan masyarakat, perihal masyarakat, kemasyarakatan atau hal yang berkaitan dengan persahabatan, pergaulan dan aktiviti masa lapang. Masalah yang sering berlaku dikalangan remaja antaranya meliputi ponteng sekolah, merokok, menghisap dadah, seks bebas, vandalisme, memeras ugut dan mencuri (Kamarul Azman Khamis, 2016). Masalah

sosial pada hari ini sukar untuk dijangka bila dan kenapa ianya berlaku apatah lagi di kalangan remaja sekolah. Apabila bercakap berkenaan remaja kerap kali akan melibatkan masalah sosial salah laku yang semakin serius dan membimbangkan kepada beberapa pihak berkepentingan seperti pihak sekolah, pendidik, ibu bapa, komuniti dan pihak penguatkuasa undang-undang. Oleh yang demikian, masalah sosial di kalangan anak-anak remaja menjadi isu hangat diperkatakan diperkatakan dan mendapat perhatian daripada segenap lapisan masyarakat kerana mereka bakal pewaris dan penentu pembangunan negara.

Di samping itu, ibu bapa menerapkan gayanya yang tersendiri bagi mempengaruhi tingkah laku anak mereka. Tingkah laku dan personaliti anak-anak turut bergantung kepada gaya asuhan yang diamalkan ibu bapa. Pertautan emosi antara ibu bapa dan anak remaja yang mendapat didikan yang baik juga merupakan pertautan emosi yang selamat. Ibu bapa yang sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan asas anak akan menyebabkan mereka merasai cukup selamat untuk membuat penerokaan terhadap dunia persekitaran. Hubungan atau ikatan yang selamat akan membentuk kepercayaan yang positif, hubungan yang stabil dan selamat, kemesraan yang berkualiti dan pola komunikasi yang positif. Selain itu, remaja yang mengalami masalah dalam keluarga, kekurangan kasih sayang ibu bapa, tiada kepuasan dalam diri, akan menyebabkan mereka bertindak mencari hakikat kehidupan yang sebenar dan akhirnya mengalami kekecewaan dalam hidup. Ibu bapa yang bertanggungjawab mendidik dan membimbing anak jika mereka melakukan kesilapan adalah faktor penyumbang ke arah meningkatnya sahsiah unggul anak-anak (Ruziwati Abu Samah, 2019).

Seterusnya, kajian lepas (Alegre & Benson (2010); Alegre, 2011) turut menunjukkan bahawa ibu bapa yang kurang menekankan nilai keagamaan dalam kehidupan anak-anak turut menyumbangkan kepada masalah salah laku. kajian yang memberi tumpuan kepada pembentukan kecerdasan emosi dengan melihat faktor keluarga khususnya dari aspek penerimaan gaya keibubapaan sebagai faktor utama dalam kalangan remaja adalah masih kurang terutama kajian yang dilakukan di Malaysia oleh Hamidah, (2013). Hal ini kerana, kebanyakan isu yang berlaku pada masa kini khususnya yang melibatkan golongan remaja menunjukkan bahawa kurangnya kebolehan atau keupayaan mereka dalam menguruskan emosi.

Perkara ini terbukti berdasarkan kes-kes yang terpampang di media massa yang menunjukkan remaja hari ini mengalami kepincangan emosi. Sebagai contoh, isu yang berlaku

di salah sebuah sekolah agama di Pendang yang dilaporkan oleh Astro Awani mengenai seorang pelajar yang dibelasah oleh pelajar senior (Astro Awani, 2015). Begitu juga isu yang berkaitan dengan penuntut Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang maut selepas didera oleh rakan sendiri menggunakan seterika wap (My News Hub, 2 Jun 2017). Selain itu, terdapat juga kes yang dilaporkan mengenai pelajar 16 tahun yang maut akibat disepak oleh senior (Muhafandi Muhammad, 12 Mei 2015) dan pelajar lelaki cedera angkara dibuli (Opat Rattanachot, 30 Oktober 2014). Oleh itu, kesemua isu ini berlaku masalah salah laku yang terjadi akibat kegagalan ibu bapa dalam mengasuh anak-anak.

Sebagai kesimpulannya, Gaya asuhan ibu bapa jelas menunjukkan pengaruh yang amat penting dalam unit kekeluargaan. Ini kerana asuhan dan didikan awal bagi anak-anak bermula di rumah. Gaya asuhan yang dibentuk oleh ibu bapa juga memainkan peranan penting kepada pembentukan sahsiah dari aspek tingkah laku dan cara bersosial apabila meningkat remaja.

METODOLOGI

Kajian ini hanya difokuskan kepada ahli keluarga iaitu ibu dan bapa. Responden keutamaan kajian ini hanya terdiri daripada ibu bapa. Kajian ini juga tidak melibatkan mana-mana pihak yang tidak berkaitan dengan batasan kajian. Kajian ini juga membataskan kepada satu tempat sahaja iaitu hanya di Kawasan Sungai Sumun, Perak. Kajian ini dijalankan dengan kesedaran beberapa batasan dalam reka bentuk dan instrumen kajian yang digunakan. Pengumpulan data kajian diperoleh melalui respon sampel pada instrumen yang berbentuk soal selidik.

Reka bentuk kajian adalah penting bagi sesuatu kajian sebagai panduan untuk memastikan objektif kajian tercapai. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan. Menurut Pusat Pembangunan Akademik IPGM (2018), kajian tinjauan merupakan kajian yang menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terumanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi serta kajian yang mengkaji sesuatu fenomena. Reka bentuk kajian yang dipilih berupaya menjawab permasalahan kajian sepenuhnya dengan tepat dan jelas. Menurut Ponto (2015), kelebihan kaedah ini adalah penglibatan bilangan responden yang lebih ramai dan data dapat dikumpulkan dengan cepat.

Penyelidik membuat kajian dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik. Melalui reka bentuk kajian ini penyelidik akan dapat mengumpul maklumat secara langsung daripada responden berkaitan dengan gaya asuhan yang diamalkan oleh ibu bapa di Sungai Sumun, Perak. Oleh itu, Penyediaan soal selidik berbentuk PAQ (Parenting Authority Questionnaire) untuk mendapatkan hasil data berkenaan gaya asuhan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa di kawasan tersebut.

Instrumen kajian bermaksud alat untuk mengumpul data yang dikehendaki bagi menjawab soalan yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Semua penyelidikan mempunyai pengumpulan data. Data merujuk kepada maklumat yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan. Contoh data ialah maklumat demografi seperti umur, jantina, etnik dan agama, Noraini Idris (2010). Instrumen soal selidik ini amat penting untuk dilihat terutamanya pada skala likert yang digunakan oleh pengkaji. Skala likert digunakan untuk mengukur sikap, pendapat dan persepsi seseorang atau sekelompok manusia tentang fenomena sosial.

Dalam bahagian ini, pihak pengkaji perlu menerangkan bagaimana format instrumen yang digunakan untuk mengutip data kajian yang dijalankan. Soal selidik dijadikan instrumen atau kaedah kajian yang utama kerana ia merupakan cara persampelan yang praktikal untuk mendapatkan sampel yang ramai jika dibandingkan dengan pemerhatian dan temu bual. Penggunaan borang soal selidik dapat meliputi sampel yang besar dengan kos yang rendah serta dapat memberikan persampelan yang lebih tepat. Instrumen kajian yang digunakan adalah Parental Authority Questionnaire (PAQ) yang bertujuan untuk mengukur konstruk gaya asuhan ibu bapa sebagai responden yang diadaptasikan oleh Buri, 1991. Penggunaan Parental Authority Questionnaire (PAQ) sebagai instrumen kajian adalah untuk menjawab objektif 1 iaitu mengenalpasti gaya asuhan yang dominan diamalkan oleh ibu bapa di kawasan Sungai Sumun, Perak. Jadi, setiap instrumen soal selidik yang digunakan dan setiap hasil dapatan akan dinyatakan dalam bentuk analisis deskriptif.

Bahagian A: Profil Responden. Bahagian ini mengandungi soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Jenis item yang digunakan dalam bahagian ini berbentuk (1) item pilihan tunggal (single choice item) di mana responden diminta untuk membuat pilihan dengan cara menanda tick (/) pada kotak yang disediakan berdasarkan pernyataan item yang sesuai dengan diri mereka. Contohnya item umur, jantina, agama, status perkahwinan, taraf pendidikan dan pekerjaan.

Bahagian B: Gaya Asuhan Ibu Bapa. Bahagian ini mengandungi 30 soalan yang dibina oleh Buri (1991) berkaitan dengan skala yang merangkumi tiga aspek iaitu gaya asuhan Autoritarian, Autoritatif dan Permisif. Gaya asuhan merupakan satu konstruk bagi item manakala item pula merupakan indikator yang perlu dinilai melalui skala likert yang diberikan. Setiap indikator tersebut akan dinilai oleh responden sendiri dengan memilih skala ukuran yang mana mereka rasakan wajar untuk diberikan penilaian dan membulatkan ukuran skala likert antara 1 hingga 3.

Bahagian C: Item instrument ini berkaitan hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial anak-anak di sekitar Sungai Sumun, Perak. Pengkaji menggunakan item ini yang dirujuk melalui kajian lepas yang dijalankan tentang senarai masalah sosial yang berlaku di kalangan anak-anak pada masa kini ekoran dari hubungan kesan gaya asuhan ibu bapa itu sendiri kepada anak-anak. Pengkaji menggunakan item ini bagi menjawab objektif kajian yang ketiga. Di dalam item instrument ini terdapat sebanyak 40 senarai masalah sosial yang berlaku di kalangan anak-anak yang merangkumi masalah salah laku, tingkahlaku devian dan jenayah. Maka dengan itu, melihat item masalah sosial melalui soal selidik dapat memudahkan pengkaji untuk menyatakan dapatan kajian secara analisis deskriptif. Setiap indikator tersebut pengkaji akan menilai melalui jawapan responden dengan membulatkan ukuran skala likert.

Analisis soal selidik adalah untuk mengira kekerapan, peratusan serta purata bagi setiap item. Pengkaji akan meneliti data-data yang diperolehi yang berkaitan dengan hubungan antara hubungan gaya asuhan ibu bapa terhadap masalah sosial anak-anak di Sungai Sumun, Perak. Dalam kajian Abdul Hakim Abdullah (2015), kaedah menganalisis data dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 *for Windows* digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi. Data-data dianalisis daripada borang soal selidik bertujuan untuk mendapatkan frekuensi dan peratus. Versi terbaru ini telah dikembangkan lagi alat analisis yang lebih komprehensif dengan aliran kerja yang mudah.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji telah mengkaji bahagian demografi yang meliputi jantina, umur dan juga pekerjaan. Kedua, pengkaji akan meletakkan dapatan berkaitan gaya asuhan ibu bapa merangkumi gaya asuhan Autoritarian, gaya asuhan Autoritatif dan gaya asuhan Permisif. Ketiga, pengkaji akan meletakkan data hubungan gaya asuhan terhadap masalah sosial yang berlaku pada hari ini terutamanya di kalangan remaja sekolah. Data ini telah dianalisis menggunakan SPSS versi 26. Oleh itu, Setiap bahagian ini akan dimasukkan ke dalam bentuk jadual mengikut kronologi yang telah ditetapkan.

Demografi Responden

Bahagian ini menerangkan mengenai latar belakang responden yang merangkumi jantina, umur dan pekerjaan dalam bentuk frekuensi dan peratus.

Jenis Jantina Responden

Jadual 1 ini akan menunjukkan jenis jantina yang berbentuk frekuensi dan peratus taburan responden. Berdasarkan jadual ini, Jumlah responden seramai 145 orang penduduk kalangan ibu bapa di sekitar Sungai Sumun, Perak. Daripada jumlah ini, 67 orang penduduk atau 46.2% ialah responden lelaki. Manakala bagi jumlah 78 orang penduduk atau 53.8% daripada jumlah keseluruhan merupakan responden wanita.

Jadual 1: Jenis jantina responden

Jantina	Frekuensi	Peratus(%)
Lelaki	67	46.2
Perempuan	78	53.8
Jumlah	145	100

Tahap Umur Responden

Jadual 2 pula menunjukkan tahap umur responden yang berbentuk frekuensi dan peratus taburan responden. Berdasarkan jadual ini telah menunjukkan 4 tahap umur yang telah ditetapkan dalam demografi kajian. Pertama, 55 orang atau 37.9% merupakan daripada tahap umur 21 hingga 30 tahun. Kedua, sebanyak 31 orang atau 21.4% adalah daripada tahap umur 31 hingga 40 tahun. Ketiga, sebanyak 435 orang atau 24.1 % adalah daripada tahap umur 41 hingga 50 tahun dan yang keempat sebanyak 24 orang atau 16.6% adalah daripada tahap umur 51 tahun ke atas.

Jadual 2: Tahap Umur Responden

Tahap Umur Responden	Frekuensi	Peratus(%)
21 hingga 30 tahun	55	37.9
31 hingga 40 tahun	31	21.4
41 hingga 50 tahun	35	24.1
51 tahun ke atas	24	16.6
Jumlah	145	100

Jenis Pekerjaan Responden

Jadual 3 pula menunjukkan jenis pekerjaan responden yang berbentuk frekuensi dan peratus taburan responden. Berdasarkan jadual ini terdapat 4 jenis pekerjaan yang telah ditetapkan dalam demografi responden. Pertama, bilangan yang menunjukkan 60 orang atau 41.4% adalah daripada sektor kerajaan. Kedua, bilangan seramai 36 orang atau 24.8% adalah daripada sektor swasta. Ketiga, bilangan seramai 16 orang atau 11.0% adalah daripada bekerja sendiri dan keempat bilangan seramai 33 orang atau 22.8% adalah daripada lain-lain.

Jadual 3: Jenis Pekerjaan Responden

Jenis Pekerjaan Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Sektor kerajaan	60	41.4

Sektor Swasta	36	24.8
Bekerja Sendiri	16	11.0
Lain-Lain	33	22.8
Jumlah	145	100

Analisis Kajian

Bahagian ini membincangkan analisis yang merangkumi tiga gaya asuhan iaitu gaya asuhan autoritarian, gaya asuhan autoritatif dan gaya asuhan permisif. Bagi ketiga-tiga gaya asuhan telah dirangka melalui bentuk Jadual 2 iaitu taburan responden mengikut gaya asuhan ibu bapa. Setiap analisis data ini merangkumi frekuensi dan peratus.

Gaya Asuhan Ibu Bapa

Daripada analisis, menunjukkan jenis gaya asuhan yang dominan diamalkan oleh penduduk sekitar Sungai Sumun, perak adalah gaya asuhan autoritatif. Gaya asuhan ini mencatat bilangan responden tertinggi sebanyak 124 orang atau 85.5%. Melalui hasil dapatan ini telah menunjukkan bahawa hampir keseluruhan penduduk di sekitar itu mengamalkan gaya asuhan autoritaritatif berbanding gaya asuhan autoritarian dan gaya asuhan permisif.

Jadual 4: Taburan responden mengikut gaya asuhan ibu bapa

Bil	Item	TS(3)	TP(2)	S(1)
(i)	Gaya Asuhan Autoritarian	F / %	F / %	F / %
1.	Meskipun anak tidak bersetuju dengan ibu bapa, mereka perlu patuh kepada apa yang ibu bapa rasakan itu baik untuk mereka.	14 9.7%	12 8.3%	119 82.1%
2.	Semasa ibu bapa menyuruh membuat sesuatu, mereka berharap anak akan terus lakukan dengan segera tanpa bertanya terlebih dahulu.	28 19.3%	22 15.2%	95 65.5%
3.	Ibu bapa tidak membenarkan anak untuk bertanya mengenai keputusan yang telah mereka buat.	81 55.9%	21 14.5%	43 29.7%
4.	Ibu bapa beranggapan dengan memberi lebih tekanan, anak akan bertingkah laku sebagai mana yang sepatutnya.	64 44.1%	38 26.2%	43 29.7%

5.	Ibu bapa merasa berhak mengajari anak dengan memberitahu mereka siapa pemimpin di dalam keluarga.	16 11.0%	13 9.0%	116 80%
6.	Ibu bapa akan marah jika anak tidak setuju dengan pendapat mereka.	69 47.6%	25 17.2%	51 35.2%
7.	Ibu bapa beritahu apa yang mereka harapkan dari anak, jika anak tidak dapat mencapainya maka akan diberi hukuman.	80 55.2%	18 12.4%	47 32.4%
8.	Ibu bapa merasakan masalah akan rumit jika mereka tegas dan memaksa anak untuk tidak melakukan apa yang seharusnya mereka lakukan.	33 22.8%	34 23.4%	78 53.8%
9.	Ibu bapa sering beritahu dengan jelas apa yang harus anak lakukan dan bagaimana untuk melakukan hal tersebut.	11 7.6%	18 12.4%	116 80.0%
10.	Anak tahu apa yang ibu bapa harapkan dari saya, mereka paksa saya untuk penuhi harapan itu sebagai memberi hormat ke atas hak mereka.	45 31.0%	40 27.6%	60 41.4%
(ii) Gaya Asuhan Autoritatif		F / %	F / %	F / %
11.	Ibu bapa membincangkan rasional peraturan keluarga dengan anak-anak setelah peraturan dibuat.	14 97%	21 14.5%	110 75.9%
12.	Ibu bapa selalu menggalakkan anak menyuarakan pandangan sekiranya aturan yang dibuat tidak masuk akal.	9 6.2%	12 8.3%	124 85.5%
13.	Semasa anak membesar, ibu bapa selalu membuat pertimbangan sewajarnya dalam sebarang aktiviti dan keputusan yang perlu diambil oleh anak.	9 6.2%	14 9.7%	122 84.1%
14.	Anak tahu apa yang ibu bapa harapkan dari saya namun saya bebas untuk memberitahu mereka sekiranya harapan itu tidak sependapat dengan anak	10 6.9%	31 21.4%	122 84.1%
15.	Semasa anak membesar, ibu bapa memberikan panduan kepada saya untuk mencapai matlamat hidup.	6 4.1%	17 11.7%	122 84.1%
16.	Ibu bapa menjadikan pendapat saya sebagai pertimbangan dan tidak memberi kata putus kerana itu adalah keinginan anak.	12 8.3%	31 21.4%	102 70.3%
17.	Ibu bapa mempunyai aturan mengenai perilaku anak di rumah namun akan berubah mengikut keperluan yang sesuai kepada anak mereka.	10 6.9%	20 13.8%	115 79.3%

18.	Ibu bapa memberi arahan terhadap sesuatu aktiviti dan berharap anak mengikuti arahan itu namun dalam masa yang sama mereka boleh mendengar keluhan anak.	7 4.8%	18 12.4%	120 82.8%
19.	Ibu bapa memberi arahan yang jelas kepada anak terhadap perilaku yang dipamerkan dan boleh memahami sekiranya anak tidak bersetuju dengan mereka.	7 4.8%	16 11.0%	122 84.1%
20.	Ibu bapa pernah membuat keputusan yang tidak menggembarakan ketika saya membesar dan mereka membincangkan keputusan yang telah dibuat dan mengakui jika mereka telah tersalah membuat keputusan.	14 4.7%	28 19.3%	103 71.0%
(iii)	Gaya Asuhan Permisif	F / %	F / %	F / %
21.	Semasa anak sedang membesar, ibu bapa berpendapat bahawa anak-anak sewajarnya diberi kebebasan untuk bertindak sendiri sama seperti ibu bapa lakukan.	43 29.7%	27 18.6%	75 51.7%
22.	Ibu bapa berpendapat bahawa anak-anak wajar diberikan kebebasan untuk berfikir melakukan sesuatu walaupun tindakan itu tidak memenuhi kehendak ibu bapa.	35 24.1%	30 20.7%	80 55.2%
23.	Ibu bapa saya merasakan bahawa saya tidak perlu mematuhi aturan yang berlaku.	92 63.4%	23 15.9%	30 20.7%
24.	Semasa anak sedang membesar, ibu bapa jarang memberikan panduan tentang kelakuan saya.	92 63.4%	26 17.9%	27 18.6%
25.	Ibu bapa membenarkan anak untuk melakukan apa yang diinginkan ketika membuat keputusan dalam keluarga.	38 26.2%	36 24.8%	71 49.0%
26.	Ibu bapa merasakan masalah dalam masyarakat akan berpecah jika mereka tidak membatasi aktiviti, keputusan dan keinginan anak-anak.	19 13.1%	31 21.4%	95 65.5%
27.	Ibu bapa membenarkan anak untuk memutuskan banyak hal berkaitan diri sendiri tanpa menerima arahan dari mereka.	64 44.1%	29 20.0%	52 35.9%
28.	Ibu bapa beranggapan bahawa mereka tidak bertanggungjawab dalam mengatur dan mengarah terhadap perilaku anak.	90 62.1%	23 15.9%	32 22.1%
29.	Ibu bapa membenarkan saya untuk memiliki sudut pandangan sendiri dan menentukan yang terbaik terhadap apa yang akan dilakukan.	13 9.0%	20 13.8%	112 77.2%
30.	Ibu bapa saya tidak mengatur segala perilaku, aktiviti dan kemahuan saya.	77 53.1%	26 17.9%	42 29.0%

Jadual 5 menunjukkan bahawa gaya asuhan mempunyai hubungan signifikan dengan masalah sosial. Ini bermakna keputusan korelasi di atas menunjukkan hipotesis diterima. Pengkaji melihat daripada hasil data yang telah diperolehi melalui korelasi rank – spearman ini adalah membawa nilai pekali korelasi iaitu $r=0.174$, $n=145$, $p<0.05$. Analisis korelasi spearman's rho ini menjelaskan bahawa wujudnya perkaitan di antara kedua-dua pembolehubah. Maka dengan itu, pengkaji menyatakan sekali lagi bagi kedua-dua pembolehubah iaitu gaya asuhan terdapat perkaitan dengan masalah sosial yang memberi makna bahawa gaya asuhan ibu bapa juga memberikan kesan kepada masalah sosial itu berlaku di kalangan anak-anak remaja sekolah.

Jadual 5: Analisis Korelasi Spearman's Rho

KORELASI			GAYA	SOSIAL
Spearman's rho	GAYA	Correlation Coefficient	1.000	.174*
		Sig. (2-tailed)	.	.036
		N	145	145
	SOSIAL	Correlation Coefficient	.174*	1.000
		Sig. (2-tailed)	.036	.
		N	145	145

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).


$r=0.174$, $n=145$, $p<0.05$

Secara kesimpulannya dalam bab ini telah membincangkan dapatan kajian yang menunjukkan di antara gaya asuhan ibu bapa dikenalpasti bahawa gaya asuhan autoritatif merupakan gaya keibubapaan yang dominan diamalkan oleh penduduk di sekitar Sungai Sumun, Perak. Manakala bagi gaya asuhan autoritarian dan permisif kurang diamalkan oleh penduduk di kawasan tersebut dalam mendidik anak-anak. Bagi masalah sosial yang menjadi kekerapan berlaku atau berada di tahap tinggi di sekitar Sungai Sumun, Perak adalah bergaduh/berkelahi di kalangan anak-anak peringkat remaja. Bagi masalah sosial yang berada di tahap rendah adalah mencederakan seseorang yang tidak dilakukan sepenuhnya dari kalangan anak-anak remaja sekolah. Dapatan terakhir menunjukkan bahawa terdapat hubungan

yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial anak-anak di Sungai Sumun, Perak.

Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian ini boleh dirujuk pada Rajah 1 yang telah dirangkakan hasil daripada objektif dan pernyataan masalah kajian ini. Rajah 1 ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas mengenai gaya asuhan terhadap anak-anak remaja sekolah di Sungai Sumun, Perak.



Rajah 1: Kerangka Konseptual kajian hubungan gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial anak-anak

KESIMPULAN

Kesimpulannya, bab ini membincangkan isu dan cadangan yang boleh digunakan oleh pengkaji lain. Kajian ini telah mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji berkenaan gaya asuhan yang mana paling dominan diamalkan oleh ibu bapa, mengenalpasti kekerapan masalah sosial di kalangan anak-anak remaja sekolah dan mengkaji hubungan signifikan di antara kedua-dua varibel iaitu gaya asuhan dengan masalah sosial. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti ibu bapa telah mengamalkan salah satu gaya asuhan yang paling popular iaitu gaya asuhan autoritatif terutamanya di lokasi kajian pengkaji. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan gaya asuhan ibu bapa dengan masalah sosial

Dengan adanya kajian ini, diharapkan pihak berkepentingan dapat menitikberatkan keutamaan masalah sosial berlaku di kalangan anak remaja sekolah dengan mencari sebab-sebab hubungan yang datangnya dari aspek persekitaran mereka terutamanya kepada faktor keluarga. Walaupun takrifan dan istilah tanggungjawab ibu bapa masih samar-samar namun masih terdapat satu keperluan untuk penggubal dasar dalam memastikan keutuhan keluarga yang harmoni. Justeru itu, semua pihak haruslah bekerjasama untuk menghapuskan masalah sosial dan berusaha membentuk remaja pada masa kini yang seharunsya lebih kuat dan mempunyai jati diri lebih mantap supaya dapat mengawal diri dari terlibat kepada gejala-gejala sosial yang negatif. Sesungguhnya remaja yang unggul dan berkualiti adalah remaja yang dapat membangunkan negara supaya lebih standing dan maju dengan negara-negara lain. Oleh yang demikian, segala hasil kajian meliputi data analisis dan cadangan boleh dimanfaatkan sebagai panduan untuk pengkaji akan datang.

Rujukan

- Ahmad Yassin Lauto. (2006). *Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan personaliti remaja sekolah harian biasa*. Tesis sarjana. UTM.
- Alegre, A. (2011). Parenting Styles and Children's Emotional Intelligence: What do We Know? *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, 19(1), 56-62.
- Alegre, A., & Benson, M. J. (2010). Parental behaviours and adolescent adjustment mediation via adolescent trait emotional intelligence. *Individual Differences Research*, 8(2).

- Astro Awani. (2015). *Pelajar dakwa belasah senior sekolah agama di Pedang*. Astro Awani, 20 April di laman sesawang: <http://www.astroawani.com>. - 58219
- Azizi Yahaya & Sidek Latiff. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. PTS Publication & Distributors.
- Baumrind, D. (1971). *Current Patterns of Parental Authority*. Developmental Psychology Monographs part, 4.2.
- Buri, J. R. (1991). Parental Authority Questionnaire. *Journal of personality Assessment*, 57(1), 110-119.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Kamarul Azman Khamis. (2016). *Penglibatan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dalam Pembangunan Pendidikan dan Keusahawanan di Negeri Kedah Tahun 2005-2014: Kajian Kes di Daerah Padang Terap, Kedah*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw Hill Education.
- Ponto, J. (2015). Understanding and Evaluating Survey Research. *J Adv Pract Oncol*. 6(2), 168-171.
- Pusat Pembangunan Akademik IPGM. (2018). *Buku Panduan Penyelidikan Tinjauan*. Kementerian Pendidikan Guru Malaysia.
- Ruziwati Abu Samah, (2019). Gaya Keibubapaan Dalam Novel Komsas Sukar Membawa Tuah Dan Merenang Gelora Berdasarkan Analisis Teksdealisme. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 192-216.
- Ubale, A. Z., Abubakar, T. A., & Abdullah, A. H. (2015). A Correlation Study of Parental Involvement and Islamic Education's Achievement Among SMKA Students in Kuala Terengganu Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social*, 5(10), 30-44.